

16 JUL 2001

Parlimen-Pencen

KESAN KEWANGAN BERSARA UMUR 56 TAHUN BELUM DIKETAHUI

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Kesan kewangan ekoran keputusan pelanjutan umur persaraan wajib akan hanya diketahui selepas jumlah sebenar anggota yang memilih untuk bersara pada umur 56 tahun diketahui, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tengku Datuk Seri Azlan Sultan Abu Bakar.

Bagaimanapun, katanya, jika semua anggota yang layak membuat opsyen memilih untuk bersara apabila mencapai umur 56 tahun, kerajaan dianggarkan memperolehi penjimatan pencen sebanyak RM173 juta bagi tahun pertama pelaksanaan serta penangguhan pembayaran ganjaran sejumlah RM814 juta selama setahun.

"Seperti dasar-dasar kerajaan yang lain, dasar pelanjutan umur persaraan wajib telah diputuskan hanya selepas dilakukan kajian terperinci mengenai kesan dasar-dasar itu dari sudut sosio-ekonomi dan mengambil kira kepentingan masyarakat dan negara," katanya ketika menjawab soalan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupa) di Dewan Rakyat.

Beliau berkata kerajaan telah membuat keputusan bahawa opsyen diberi kepada anggota sektor awam untuk bersara apabila mencapai umur 55 tahun atau terus berkhidmat sehingga mencapai 56 tahun dan mereka diberi masa sebulan untuk membuat opsyen itu.

Setakat 30 Jun lepas, pesara yang telah dilantik semula berkhidmat dengan perkhidmatan awam persekutuan ialah 414 orang dan 74 daripadanya terdiri daripada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 105 orang dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 235 orang dalam Kumpulan Sokongan.

Katanya, pesara yang boleh dipertimbangkan untuk dilantik semula ialah mereka yang telah bersara kerana mencapai umur 55 tahun dengan syarat cadangan pelantikan itu dikemukakan oleh kementerian atau jabatan yang memerlukan perkhidmatan mereka.

Pegawai yang diperlakukan hendaklah terdiri daripada mereka yang telah menunjukkan prestasi cemerlang serta mempunyai kemahiran dan pengalaman tinggi, katanya.

Tengku Azlan berkata pada masa ini semua cadangan pelantikan semula pesara perlu mendapat persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kecuali bagi pelantikan dan perkhidmatan tertentu, pesara hanya dibenar berkhidmat sehingga mencapai 60 tahun," katanya.

Beliau berkata rasional pelantikan mereka ialah untuk menampung kekurangan tenaga mahir dan berpengalaman untuk melaksanakan tugas tertentu dan menjaga kesinambungan.

"Kadangkala pegawai berkenaan diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu projek yang penting yang telah mereka mulakan," katanya.

Menurut beliau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab menapis serta merakui pelantikan semula pesara oleh kementerian dan jabatan sentiasa memastikan sesuatu pelantikan itu tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai yang berada di bawahnya.

--BERNAMA

NZ NZ RI